

Penularan COVID-19

# 3 fasa program imunisasi mulai akhir bulan ini

Kerajaan sasar 26.5 juta rakyat terima vaksin secara percuma

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, program vaksin terbesar pernah dilaksanakan di negara ini dengan *roll out* pelaksanaannya akan bermula akhir bulan ini, kata Tan Sri Muhyiddin Yasin.


Perdana Menteri berkata, kerajaan menyasarkan 80 peratus populasi negara ini atau 26.5 juta individu akan menerima vaksin yang akan diberikan secara percuma, membabitkan tiga fasa.

"Vaksin COVID-19 adalah antara sinar harapan kita yang paling utama untuk kita menang dalam perang melawan COVID-19. Kerajaan berjaya menemipah vaksin COVID-19 dengan penghantaran pertama bekalan vaksin dijadualkan tiba di negara kita bulan ini.

"Penghantaran pertama vaksin COVID-19 ini membabitkan vaksin keluaran Pfizer dan BioNTech yang menunjukkan kadar keberkesanaan tinggi iaitu pada tahap 95 peratus," katanya dalam perutusan khas, semalam.

Fasa pertama katanya, akan membabitkan sejumlah 500,000 petugas barisan hadapan yang terdiri daripada petugas kesihatan dan petugas bukan kesihatan, dengan program imunisasi dijadualkan tamat pada April ini.

"Fasa kedua pula membabitkan kumpulan berisiko tinggi dijangkiti COVID-19. Mereka ialah warga emas dan golongan rentan berusia 60 tahun ke atas, yang mengalami masalah morbiditi seperti penyakit jantung, obesiti,



Muhyiddin menyampaikan ucapan dalam perutusan khas, semalam.

(Foto FB RTM)

diabetes dan tekanan darah tinggi.

"Golongan orang kelainan upaya (OKU) turut termasuk di dalam fasa ini. Sebanyak 9.4 juta orang dianggarkan akan menerima vaksin di bawah fasa kedua ini, yang akan berlangsung mulai April hingga Ogos 2021," katanya.

Muhyiddin berkata, fasa ketiga membabitkan golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, yang bermula Mei hingga Februari tahun depan, dengan fasa ini bertujuan membentuk perlindungan kelompok, seterusnya mengawal pandemik secara menyeluruh.

Beliau juga menjelaskan mak-

lumat lanjut mengenai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan termasuk mengenai tatacara pendaftaran, lokasi pusat pemberian vaksin serta informasi berkaitan akan dimaklumkan dalam sedikit masa lagi.

Sementara itu, katanya, kerajaan sudah mengarahkan pihak berkuasa menggunakan pelbagai kemudahan termasuk fasiliti kesihatan awam dan swasta, stadium, pusat konvensyen, Dewan Orang Ramai serta universiti sebagai pusat vaksinasi, manakala lebih 600 pusat simpanan yang juga pusat pemberian vaksin akan dibuka di seluruh negara.

## Khairy menteri penyelaras

**Kuala Lumpur:** Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dilantik menteri penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi menjamin pelaksanaan program secara teratur.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin, berkata Khairy akan mengetuai pasukan petugas khas yang menguruskan pelaksanaan program berkenaan, khususnya isu berkaitan logistik serta penyelaras dengan negeri dan agensi kerajaan.

"Ini bagi membolehkan Kementerian Kesihatan untuk terus menumpukan fungsi perkhidmatan kesihatan menangani penularan COVID-19 yang masih menunjukkan trend membimbangkan," katanya dalam Perutusan Khas Perdana Menteri, semalam.

Sambil mengajak rakyat bersama-sama mengemblem tenaga dan segala sumber bagi menjayakan program itu, beliau berkata, kerajaan mengalu-alukan penyertaan sukarelawan, mahasiswa, pemimpin masyarakat, agamawan, badan bukan kerajaan, Persatuan Bulan Sabit Merah, St John's Ambulance, pihak swasta dan rakyat keseluruhan.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah memulakan kerjasama dengan 31 hospital swasta untuk penyumberluaran rawatan sebahagian pesakit bukan COVID-19 dengan RM27 juta diperuntukkan KKM bagi tujuan itu tahun ini.

"Bagi pengurusan dan rawatan pesakit COVID-19 di hospital swasta, KKM sudah mendapat kerjasama baik hospital swasta seluruh negara. Setakat 3 Februari lalu, hospital swasta bercadang menyediakan 1,344 katil di wad biasa dan 65 katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU)," katanya.

Menjelaskan hospital swasta akan diletakkan di bawah pengoperasian Hospital Kluster dengan sektor awam di bawah Pusat Kawalan COVID-19 Bersepadu, beliau berkata, 68 makmal kerajaan dan swasta mempunyai kapasiti melaksanakan 76,805 ujian saringan COVID-19 setiap hari dan kerajaan akan meningkatkan lagi keupayaan fasiliti berkenaan.

"Melalui Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 ini juga, kerajaan akan mula mengambil alih kemudahan bagi tujuan menambah pusat saringan COVID-19 dan pusat kuarantin. Bagi aktiviti penyumberluaran dan pengambilalihan ini, suatu bentuk pampasan akan diberikan kepada pemilik premis berdasarkan naziran penilaian kerajaan," katanya.